

SOLIDARITI PEKERJA



ISU KE - 10

JAN - MAC 2015

HARGA : RM 2 / SOLIDARITI : RM 3



Kaya Semakin Kaya

Rakyat Biasa Merana!

Malaysia dijangka akan mempunyai lebih ramai bilionair berbanding dengan beberapa Negara Arab menjelang tahun 2018 mengikut Pusat Kajian Kekayaan (WIC) di London. Mengikut laporan WIC, pada tahun 2013, Kuala Lumpur mempunyai jutawan dan bilionair yang paling ramai iaitu, 13800 jika dibandingkan dengan Abu Dhabi (12500), Cape Town (8753) atau Birmingham (8736). Pada tahun 2013, secara keseluruhannya ada seramai 26000 jutawan dan bilionair di Malaysia dengan kekayaan RM527 billion.

Ini bermakna hanya 0.001 peratus iaitu golongan kaya

menikmati 50 peratus kekayaan negara jika kita mengambilkira jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) pada tahun 2013 iaitu RM 1089 billion. Kekayaan 0.001 peratus jutawan dan bilionair tersebut berkembang pada kadar yang melampau iaitu hampir 60 peratus di antara tahun 2009 hingga 2013 walaupun ekonomi dunia terumbang-ambing, dan sedang menghimpit sebilangan besat rakyat biasa. Dan dijangka kekayaan mereka akan meningkat lagi kepada 28 peratus untuk mencapai RM 719 billion menjelang tahun 2018.

Ini dengan jelas mendedahkan jurang

kekayaan di antara kaya dan miskin di Malaysia semakin meningkat. Ini juga membuktikan agenda kerajaan seperti Polisi Ekonomi Baru (NEP) yang dilancarkan pada 1970an dengan matlamat untuk mengagihkan 'kekayaan negara secara saksama' hanya memanfaatkan segelintir elit yang menjadikan NEP dan polisi-polisi kerajaan yang lain (Rancangan Malaysia setiap lima tahun; perancangan bajet negara dan lain-lain agenda kerajaan) sebagai batu loncatan untuk menggondol sebanyak mungkin kekayaan negara. Rakyat biasa dengan nama 'keperihatinan'

pula hanya diberikan BRIM dan lain-lain habuan kecil yang tidak mampu menyelesaikan masalah-masalah asas yang dihadapi oleh kebanyakan rakyat, dan kehidupan mereka semakin terjejas akibat kecelaruan dalam sistem ekonomi pasaran bebas yang hanya memihak kepada 0.001 peratus (jutawan dan bilionair) tersebut.

Harga rumah, kos perubatan dan pendidikan, harga barangan asas, hutang isi rumah semuanya semakin meningkat, dan terus menambahkan kesan sosial dan tekanan hidup kepada kebanyakan rakyat. Tetapi, golongan 0.001 peratus pula

mampu meningkatkan kemewahan mereka tatkala majoriti sedang merana. Inilah sifat sistem kapitalisme yang mementingkan kemewahan 0.001 peratus dengan menjunamkan sebilangan besar rakyat dalam berbagai kesengsaraan hidup. Sebab itu pembinaan sosialisme sebagai alternatif kepada kapitalisme penting sebagai jalan keluar kepada krisis dan konflik ekonomi dan sosial yang diwujudkan oleh kapitalisme untuk membolehkan kekayaan negara dapat diagihkan secara saksama dan adil untuk memanfaatkan keperluan rakyat biasa.

Jejak Langkah Tahun 2014

Setiap tahun baru, ada dua ritual rutin yang biasa dilakukan oleh manusia, iaitu mengimbas perjalanan tahun sebelumnya dan membuat azam untuk tahun berikutnya. Sepanjang tahun 2014, banyak perkara penting berlaku di negara ini. Dari peristiwa yang berkaitan dengan nasib pekerja, peristiwa politik, bencana, sampai kegagalan pasukan bola Harimau Malaya meraih piala AFF menarik perhatian kita.

Peristiwa politik pertama adalah ketika "Langkah Kajang" bermula. Percaturan politik kelompok tertentu di dalam Pakatan Rakyat yang hendak menjadikan Anwar Ibrahim sebagai calon DUN di Kajang untuk memudahkan jalannya menjadi Menteri Besar Selangor gagal secara memalukan apabila ianya tidak berjalan seperti yang dirancang. Bukan hanya itu, tindakan itu juga menjadikan Pakatan Rakyat yang dianggap sebagai satu-satunya alternatif bagi rakyat untuk membawa perubahan di negara ini, telah menunjukkan wajah sebenar yang tidak jauh berbeza dengan



UMNO/BN. Rakyat tidak melihat apa kaitannya Langkah Kajang dengan kebijakan rakyat Selangor, yang ada hanya perebutan kuasa dan pengaruh di kalangan pembangkang sahaja. Harga mahal yang mesti dibayar adalah, benih-benih perpecahan di dalam PR menjadi semakin kelihatan, terutama yang berlaku kepada PAS.

Di pihak kerajaan pula, Mesyuarat Agung UMNO tahun 2014 pula menunjukkan

bahawa parti pemimpin kerajaan tersebut masih berada di takuk lama. Isu perkauman dan keistimewaan hak kaum tertentu masih menjadi topik utama perbincangan. Sedangkan isu-isu kemelesetan dan beban ekonomi yang semakin teruk ditanggung oleh rakyat berpendapatan rendah di negara ini sama sekali tidak dibincangkan.

Tahun 2014 juga menjadi tahun yang terberat bagi Malaysia. Satu demi satu musibah datang menimpa.

Bermula dengan kehilangan pesawat MAS MH370 dan kejatuhan pesawat MH17 di Ukraine pada awal dan pertengahan tahun, dan diakhiri dengan kejatuhan pesawat AirAsia QZ8501 di Indonesia. Di sebalik kudrat bencana yang menimpa kedua-dua pesawat MAS tersebut, tetapi kita tidak boleh menutup mata tentang masalah yang menimpa syarikat penerbangan negara. Mereka

terus mengalami kerugian dan kesannya terkena kepada pekerja di syarikat tersebut yang terpaksa dibuang kerja. Sehingga hari ini, masalah dalaman MAS masih belum diselesaikan.

Di pertengahan tahun 2014, sebuah laporan Konfederasi Kesatuan Sekerja Antarabangsa (ITUC) menyebutkan bahawa Malaysia adalah salah satu negara yang paling tidak selamat bagi pekerja. Dalam laporan ini,

kedudukan Malaysia setara dengan Nigeria, Qatar, dan Bangladesh dalam memenuhi hak-hak pekerja. Bagi Solidariti Pekerja, perkara ini tidak mengejutkan. Rujuk balik setiap berita-berita yang kami paparkan di setiap keluaran, semuanya penuh dengan cerita peminggiran hak pekerja.

Tahun 2014 ditutup dengan banjir yang menimpa di beberapa negeri, mengekori peristiwa tanah runtuh yang berlaku di Cameron Highland sebelumnya. Pihak kapitalis serakah yang menjarah hutan di Kelantan dan Pahang mempunyai peranan utama terhadap kedua-dua bencana di atas. Doa kita untuk para mangsa.

Dari kesemua peristiwa tersebut, golongan pekerja adalah yang paling teruk teraniaya. Untuk mengubahnya, berdoa saja tidak cukup. Kita memerlukan aksi nyata untuk mengatasi derita kita sebagai golongan pekerja. Tahun 2015 tantangan pekerja semakin berat, oleh kerana itu: Kelas pekerja, bersatulah!

2015: Pergolakan Berterusan... Bina Solidariti dan Perjuangan!

2014 menyaksikan kepincangan dalam sosial, ekonomi, politik dan alam persekitaran yang semakin meningkat di Malaysia.

Jurang kaya miskin semakin melebar dengan hanya 0.001 peratus golongan kapitalis memiliki hampir 50 peratus kekayaan negara. Hutang isirumah yang meningkat hampir ke 90 peratus daripada pendapatan negara menekan kehidupan rakyat dengan inflasi yang semakin meningkat. Kos perkhidmatan asas seperti pendidikan dan perubatan dan lain-lain juga semakin meningkat. Pendapatan purata isirumah kebanyakan rakyat tidak setimpal dengan produktiviti, tetapi kekayaan golongan koporat dan kapitalis semakin meningkat.

Ekonomi negara terumbang-ambing dengan kejatuhan nilai Ringgit yang teruk dan penurunan harga komoditi di pasaran dunia pada tahun ini. Kesan ekonomi global yang tidak menentu terus menghantui ekonomi negara. Manakala politik

pro-kapitalis pemerintah dan pembangkang yang terus mengangalkan 'sistem pasaran bebas' tidak memberikan penyelesaian alternatif kepada keperluan dan kebajikan rakyat. Golongan ekstrimis kaum dan agama pula mencanangkan agenda pecah dan perintah untuk kepentingan politik dan kuasa mereka.

Pencabulan alam persekitaran dengan aktiviti pembalakan dan pemusnahan alam oleh golongan kapitalis telah meningkatkan bencana seperti banjir dan tanah runtuh yang meragut nyawa serta memusnahkan harta benda rakyat biasa. Penyakit kronik dan kematian akibat Denggi juga semakin meningkat.

Semua pergolakan di atas menunjukkan kegagalan sistem kapitalisme untuk menyelesaikan masalah dan keperluan asas rakyat biasa. Pada masa yang sama, polarisasi kelas semakin melebar dengan si kaya semakin mewah, si miskin semakin merana. Justeru itu, perjuangan untuk alternatif

sosialis semakin penting untuk satu perubahan tulen dalam kehidupan rakyat biasa di negara ini.

Di pihak yang lain pula, kita dapat perhatikan rakyat biasa berbilang agama dan kaum tidak teragak-agak untuk menyalurkan berbagai bantuan termasuk sumbangan kewangan untuk menolong rakyat yang ditimpa banjir. Malahan, ada kalangan anak muda sanggup pergi ke kawasan bencana secara sukarela untuk membantu sedaya-upaya mereka. Inilah solidariti yang wujud di kalangan rakyat biasa yang seharusnya diraikan, dipupuk dan dikembangkan. Ini berbeza dengan golongan kapitalis dengan kekayaan berbillion yang tidak sanggup untuk mempergunakan kekayaan mewah mereka untuk membantu rakyat yang ditimpa malang ini.

Tetapi, beberapa kali di tahun 2014, agama dan kaum

telah dipergunakan oleh kumpulan-kumpulan ekstrimis dan konservatif, dan juga beberapa pemimpin politik untuk memecahbelahkan solidariti di kalangan rakyat biasa semata-mata untuk kepentingan peribadi dan kuasa politik mereka. Hipokrasi golongan sebegini hanya dapat dikuburkan dengan membina solidariti merentasi perbezaan kaum, agama, budaya dan sempadan.

Tahun 2015 dijangka akan memberikan lebih banyak beban terutama kepada warga



Demonstrasi rakyat pada Hari Mei 1 tahun lepas

1MDB Rugi...Duit Rakyat Diperjudikan !

1 Malaysia Development Berhad (1MDB) ditubuhkan pada tahun 2009 dengan modal berbayar oleh Kementerian Kewangan. Ia merupakan syarikat pelaburan negara kedua selepas Khazanah Nasional Berhad dan ditubuhkan dengan bermatlamat menjadi dana kekayaan negara untuk dilaburkan supaya mewujudkan kekayaan baru pada masa depan. Isu ini mendapat perhatian umum selepas ianya dibangkitkan di parlimen baru-baru ini memandangkan terdapat kerugian yang amat besar iaitu sebanyak RM 41.9 Billion.

Selepas penubuhannya, 1MDB terlibat dengan pelbagai projek mega yang dirancang oleh kerajaan seperti pembelian tanah milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Sungai Besi untuk dijadikan sebahagian daripada projek

harta tanah rancangan pembesaran Kota Kuala Lumpur atau "Greater KL". Selain itu, 1MDB juga terlibat dalam projek mega Bandar Kewangan Tun Razak atau Tun Razak Exchange (TRX) iaitu projek pembinaan Wilayah Kewangan, tempat jual-beli saham seperti Wall Street di Amerika Syarikat.

Walau bagaimanapun, 5 tahun selepas penubuhan, 1MDB telah mengumpul hutang sebanyak RM 38 Billion. Kontroversi juga timbul bahawa kenapa ada keperluan dana Nasional untuk menyimpan RM 7 Billion di Pulau Cayman, kawasan bebas cukai dan perbankan secara rahsia.

Penglibatan beberapa pembelian Loji bekalan tenaga elektrik seperti Loji Jimah, Loji Tanjung kepunyaan kapitalis Ananda Krisnan melebihi harga yang ditawarkan di pasaran turut

menjadi perhatian khusus orang ramai.

Pengerusi 1MDB Lodin Wok Kamaruddin, dipetik pada November 2014 mendedahkan ianya mempunyai jumlah aset sebanyak RM 51.4 Billion dan mampu untuk menanggung keadaan hutang pada masa kini. Umum mengetahui sebelum perayaan Hari Natal pada 25 Disember, nilai ringgit telah susut mendadak iaitu 1 USD bersamaan dengan RM 3.50. Situasi ini pasti memudaratkan keupayaan untuk membayar hutang yang sedia ada.

Dana nasional harus ditadbir secara demokratik dan telus demi mencegah sebarang penyelewengan kerana wang tersebut datangnya daripada titik peluh pekerja dan rakyat biasa. Kerugian ditanggung oleh rakyat jelata yang membanting tulang seharian bukannya para

pentadbir seperti Pengerusi dan ketua pegawai eksekutifnya. 1MDB patut dimiliknegarakan sepenuhnya dengan urus tadbir secara demokratik dan telus untuk kegunaan membina keperluan asas rakyat bukannya untuk memperkayakan kroni-kroni kerajaan dan kapitalis.



Erick

Bolehkah Hudud Selesaikan Masalah Sosial dan Ekonomi di Kelantan ?



Rumah usang di Pasir Mas, Kelantan

Kerajaan PAS di Kelantan dijangka akan membawa isu Hudud ke parlimen untuk mendapatkan sokongan majoriti bagi membolehkan Hudud dilaksanakan di negeri Kelantan. PAS beranggapan bahawa dengan Hudud, gejala sosial yang semakin meningkat di Kelantan dapat dibendung.

Gejala sosial (penyalahgunaan dadah, pengangguran, rogol), jenayah dan masalah kesihatan

penyebab kepada bencana banjir yang agak teruk kali ini.

Kelantan adalah di antara negeri termiskin di Malaysia dengan kebanyakan aktiviti ekonomi masih

berlandaskan kepada pertanian. Pelaburan dan aktiviti berlandaskan industri tidak dapat dipergiatkan memandangkan pelabur dan pemodal hanya berniat untuk memfokus kepada pusat ekonomi yang lebih strategik dan menguntungkan seperti di Lembah Kelang, Pulau Pinang dan Johor. Ini menyebabkan ramai anak muda terpaksa berhijrah ke negeri-negeri lain yang lebih maju untuk mendapatkan pekerjaan. PAS telah memerintah

Kelantan semenjak 1990, iaitu hampir 25 tahun. Walaupun PAS mengangkat agenda 'Negara Islam' atau 'Negara Berkeadilan', tetapi pemerintahannya di Kelantan masih terikat kepada agenda sistem pasaran bebas kapitalisme seperti juga kerajaan BN sebelumnya. Ini menunjukkan PAS hanya mampu memainkan retorik agama untuk kepentingan kuasa politik mereka, dan tidak berdaya untuk keluar daripada cengkaman sistem kapitalisme yang merupakan asas kepada belunggu kemiskinan dan gejala sosial yang semakin meningkat.

Justeru dengan mengetatkan undang-undang atau hukuman dengan Hudud,

ia tidak mampu menyelesaikan kemiskinan dan masalah ekonomi yang sedang melanda rakyat Kelantan. Ini kerana PAS tidak mempunyai alternatif kepada sistem ekonomi kapitalis. Hanya dengan merancang ekonomi secara demokratik berlandaskan kepada keperluan dan kebajikan rakyat di Kelantan dan di negeri-negeri lain, satu penyelesaian kepada kemiskinan dan masalah sosial yang lain dapat dicapai. Solidariti daripada kelas pekerja dan rakyat biasa di Kelantan dan di negeri-negeri lain perlu dibina untuk berjuang ke arah tersebut.

Rakyat Kelantan meluahkan rasa tidak puas hati mereka



RCI Sabah : Kakitangan Awam yang Disalahkan?

Sharifah

Kementerian Dalam Negeri (KDN) baru-baru ini mengesahkan sekali lagi bahawa tidak wujud sindiket 'Projek IC' sebagaimana yang telah diputuskan dalam laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja (RCI) Sabah bagi menyalahkan dan menangani masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) di negeri itu.

Laporan RCI ini pada hakikatnya tidak menolak kemungkinan bahawa berlakunya projek pemberian Kad Pengenalan kepada warga asing yang telah mengubah keseimbangan demografi dan

agama di Sabah.

Apa yang disimpulkan adalah wujud sindiket dan individu yang dibantu oleh pegawai yang korup dan telah mengambil kesempatan untuk keuntungan peribadi. Walau bagaimanapun, ia tidak menamakan mana-mana pihak yang bersalah. Ia hanya mencadangkan penubuhan sekretariat dan jawatankuasa pengurusan bagi menyelesaikan isu pendatang asing yang memiliki dokumen kerakyatan Malaysia.

Laporan tersebut yang diragui ketelusan

dan keadilannya itu telah membebaskan pihak pemerintah daripada bertanggungjawab terhadap masalah pendatang asing tanpa izin yang semakin serius di Sabah, dan meletakkan kesalahan itu di bahu kakitangan awam semata-mata.

Rentetan itu, meletakkan beban kesalahan sepenuhnya terhadap kakitangan awam adalah tindakan kambing hitam untuk menyembunyikan kesalahan dan salah laku para pemimpin politik yang sebenarnya mempunyai penglibatan dalam projek itu.

Justeru, keputusan

laporan ini dilihat sebagai sesuatu yang mencurigakan dan hanya untuk menyelamatkan kepentingan orang-orang yang tertentu. Apatah lagi

apabila laporan itu telah lewat dibentangkan kepada umum, dikeluarkan setelah tertangguh selama 6 bulan.



Ravi

Tingkatkan Cukai ke Atas Golongan Kaya!

Kerajaan mengumumkan mulai 1 Disember, semua subsidi untuk petrol dan diesel akan dihentikan. Dengan ini harga minyak tempatan akan berlandaskan kepada harga pasaran minyak dunia yang akan turun naik berdasarkan keadaan ekonomi global.

Pada ketika ini, harga minyak di pasaran menurun akibat pengeluaran yang berlebihan terutama di Amerika Syarikat, dan permintaan yang rendah akibat daripada keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Kestabilan politik dan peperangan di rantau Timur Tengah di mana terletaknya negara-negara pengeluar utama minyak dunia, juga boleh menentukan turun atau naiknya harga minyak dunia.

Dengan penamatan subsidi petrol RON95 dan diesel, dijangka kerajaan akan mendapat pendapatan lebih

sebanyak 20 bilion ringgit untuk 12 bulan akan datang. Tetapi, pada masa yang sama berbilion-bilion ringgit lesap begitu sahaja daripada tabung kewangan negara akibat penyalahgunaan kuasa serta korupsi dalam kerajaan seperti yang didedahkan dalam laporan auditor negara, dan melalui pendedahan skandal seperti 1MDB.

Jadi, tanpa kawalan atau subsidi daripada kerajaan, kenaikan harga minyak akan memberikan impak besar kepada golongan kelas pekerja mahupun kelas menengah yang kebanyakannya tidak menikmati kenaikan gaji yang setimpal dengan kadar inflasi negara. Jika harga minyak naik, maka harga barangan keperluan dan perkhidmatan asas juga akan meningkat.

Tanpa kawalan dalam pasaran, penurunan harga

minyak tidak bermakna akan menurunkan harga barangan dan perkhidmatan. Ketika kenaikan harga minyak sebelum ini, peniaga juga meningkatkan harga barangan dan kos perkhidmatan untuk mengaut keuntungan, walaupun seringkali kerajaan dengan retorik politik mereka cuba mewajarkan akan memperkuatkan pengawasan harga barangan dan kos perkhidmatan asas. Begitu juga, dengan penurunan harga minyak, peniaga yang hanya mementingkan keuntungan tidak akan menurunkan harga barangan dan kos perkhidmatan dengan begitu sahaja. Yang jelas, kuasa pasaran akan memaksa politik pro-kapitalisme sentiasa melutut kepadanya.

Maka pencabutan subsidi minyak bukan penyelesaian, dan ia semata-mata untuk menyelamatkan ekonomi kapitalisme yang berprinsipkan keuntungan maksimum. Akibatnya, 'kaya semakin kaya, miskin semakin miskin' yang jelas dengan peningkatan jurang kaya-miskin yang semakin melebar di Malaysia. Sewajarnya cukai pendapatan ke atas golongan jutawan dan bilionair serta syarikat-syarikat besar harus dipertingkatkan, bukannya membebaskan rakyat biasa dengan potongan subsidi.

Kerajaan mengumumkan mulai 1 Disember, semua subsidi untuk petrol dan diesel akan dihentikan. Dengan ini

harga minyak tempatan akan berlandaskan kepada harga pasaran minyak dunia yang akan turun naik berdasarkan keadaan ekonomi global.

Pada ketika ini, harga minyak di pasaran menurun akibat pengeluaran yang berlebihan terutama di Amerika Syarikat, dan permintaan yang rendah akibat daripada keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Kestabilan politik dan peperangan di rantau Timur Tengah di mana terletaknya negara-negara pengeluar utama minyak dunia, juga boleh menentukan turun atau naiknya harga minyak dunia.

Dengan penamatan subsidi petrol RON95 dan diesel, dijangka kerajaan akan mendapat pendapatan lebih sebanyak 20 bilion ringgit untuk 12 bulan akan datang. Tetapi, pada masa yang sama berbilion-bilion ringgit lesap begitu sahaja daripada tabung kewangan negara akibat penyalahgunaan kuasa serta korupsi dalam kerajaan seperti yang didedahkan dalam laporan auditor negara, dan melalui pendedahan skandal seperti 1MDB.

Jadi, tanpa kawalan atau subsidi daripada kerajaan, kenaikan harga minyak akan memberikan impak besar kepada golongan kelas pekerja mahupun kelas menengah yang kebanyakannya tidak menikmati kenaikan gaji yang setimpal dengan kadar inflasi negara. Jika harga minyak naik, maka harga barangan keperluan dan

perkhidmatan asas juga akan meningkat.

Tanpa kawalan dalam pasaran, penurunan harga minyak tidak bermakna akan menurunkan harga barangan dan perkhidmatan. Ketika kenaikan harga minyak sebelum ini, peniaga juga meningkatkan harga barangan dan kos perkhidmatan untuk mengaut keuntungan, walaupun seringkali kerajaan dengan retorik politik mereka cuba mewajarkan akan memperkuatkan pengawasan harga barangan dan kos perkhidmatan asas. Begitu juga, dengan penurunan harga minyak, peniaga yang hanya mementingkan keuntungan tidak akan menurunkan harga barangan dan kos perkhidmatan dengan begitu sahaja. Yang jelas, kuasa pasaran akan memaksa politik pro-kapitalisme sentiasa melutut kepadanya.

Maka pencabutan subsidi minyak bukan penyelesaian, dan ia semata-mata untuk menyelamatkan ekonomi kapitalisme yang berprinsipkan keuntungan maksimum. Akibatnya, 'kaya semakin kaya, miskin semakin miskin' yang jelas dengan peningkatan jurang kaya-miskin yang semakin melebar di Malaysia. Sewajarnya cukai pendapatan ke atas golongan jutawan dan bilionair serta syarikat-syarikat besar harus dipertingkatkan, bukannya membebaskan rakyat biasa dengan potongan subsidi.

Ekonomi Negara Semakin Tenat! Adakah Negara Menuju Kepada Kemelesetan Ekonomi?

Ravi



Berdasarkan kepada angka dan statistik ekonomi, keadaan ekonomi negara agak rapuh dan amat bergantung kepada percaturan ekonomi global. Ini kerana, ekonomi negara berlandaskan kepada eksport dan pelaburan luar negara. Permintaan yang berkurangan dari negara-negara pengimport utama seperti US, China, Jepun dan Eropah telah memberikan impak kepada eksport negara. Manakala pelabur pula tidak mahu mengambil risiko dengan ketidakstabilan pasaran dunia yang terus berlanjutan semenjak tahun 2008 untuk melakukan pelaburan baru ataupun memperkembangkan pelaburan yang ada.

Analisa pendapatan suku ketiga tahun 2014 (Julai-September) menunjukkan hanya dua daripada lima sektor utama ekonomi meningkat. Sektor perkhidmatan jatuh 58.5%, komoditi jatuh 37.7%, manakala sektor minyak dan gas jatuh 29.3%. Sektor perkhidmatan menyumbang lebih daripada 50% kepada kegiatan ekonomi negara. Kelembapan eksport boleh mengakibatkan Malaysia mengalami defisit kembar (twin deficit) iaitu defisit akaun semasa dan defisit perdagangan.

EKSPORT KOMODITI JATUH DAN NILAI RINGGIT MENJUNAM

Ekonomi China yang semakin merosot telah mengakibatkan permintaan terhadap bahan komoditi seperti minyak, kelapa sawit, timah, getah turut jatuh, dan eksport barangan pembuatan juga tidak menggalakkan. Ketika US dan Eropah dalam krisis ekonomi, China telah memberikan harapan kepada negara-negara pengeluar komoditi atau ekonomi yang berorientasikan eksport seperti Malaysia. Tetapi, dengan Eropah masih dicengkam krisis, ekonomi US yang masih tidak stabil, ekonomi Jepun yang dalam kemelesetan dan ekonomi China yang semakin merosot bermakna ekonomi negara juga akan mengalami impak jika fenomena ini berterusan.

Kejatuhan harga minyak (60 dolar setong pada minggu ini) telah memberikan kesan kepada negara-negara pengeluar minyak. Dijangka ini akan meningkatkan defisit (hutang) kerajaan memandangkan lebih 37% pendapatan negara datang daripada aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan minyak dan gas. Jika ini berterusan, kerajaan

akan ditekan untuk melakukan lebih banyak pemotongan perbelanjaan awam seperti subsidi, dan melancarkan lebih banyak liberalisasi dalam ekonomi dan langkah penswastan ke atas syarikat atau badan-badan di bawah kawalan kerajaan seperti yang sedang dilaksanakan ke atas Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).

Pada awal bulan Disember, nilai ringgit jatuh paling teruk dalam empat tahun kebelakangan ini (kejuatan dua hari yang paling teruk semenjak krisis kewangan 1998), dan RM8 bilion kekayaan negara lesap dalam sehari daripada bursa saham KL akibat kejatuhan harga minyak dunia. Sehingga kini, ringgit telah jatuh 6.8% berbanding dengan dolar US (RM3.50 sedolar), dan dijangka akan terus memberikan impak kepada ekonomi jika harga minyak semakin menurun yang dijangka boleh mencecah sehingga 32 dolar setong.

EKONOMI BERLANDASKAN HUTANG

Pertumbuhan ekonomi (KDNK) negara sekitar 5-6% dapat dikekalkan beberapa tahun kebelakangan ini, hanya

kerana ekonomi domestik yang dijanakan dengan rangsangan melalui hutang isi rumah dan aktiviti-aktiviti infrastruktur kerajaan seperti MRT, iaitu 51% daripada KDNK adalah melalui aktiviti ekonomi domestik. Pada dasarnya, pertumbuhan ini adalah didorong melalui hutang isi rumah yang ditanggung oleh rakyat di mana pada akhir tahun 2013 sudah meningkat kepada 86.8% daripada KDNK, dari 60.4% pada 2008. Ini merupakan nisbah hutang kepada KDNK yang tertinggi di Asia.

Tetapi kini, ekonomi domestik juga dijangka akan merosot akibat inflasi yang semakin meningkat, dan akan menghadkan rakyat daripada berbelanja. Jika rakyat kurang berbelanja atau tidak mampu membayar hutang/pinjaman kerana kos yang meningkat (seperti yang berlaku di Amerika Syarikat pada Kemelesetan Besar 2008), ini boleh memberikan kesan teruk kepada ekonomi.

GELEMBUNG HARTANAH MENUNGGU MASA UNTUK BERKECAI!

Gelembung hartanah (property bubble) semakin membesar di Malaysia dengan

peningkatan harga rumah di antara 15-20% dalam dua tahun kebelakangan ini. Tetapi permintaan telah jatuh sedikit pada tahun ini akibat kenaikan inflasi dan kesukaran memperoleh pinjaman, dan ini dijangka akan terus memberikan kesan pada tahun 2015 dengan GST. Gelembung hartanah boleh pecah jika ekonomi semakin meleset (beberapa ahli ekonomi menjangkakan pada tahun 2015 atau 2016), dan ini boleh mewujudkan tekanan besar dalam ekonomi.

Kesimpulannya, ekonomi Malaysia amat terdedah kepada impak global, dan hampir semua 'resipi' untuk krisis kini wujud dalam ekonomi negara. Maka, kesan spontan yang besar dan mendalam dalam ekonomi global, boleh menyebabkan Malaysia mengalami kemelesetan yang lebih teruk daripada krisis kewangan 1998. Jika ia berlaku, maka pilihan seperti 'kawalan kapital' yang dipergunakan oleh Mahathir pada masa itu, sukar untuk dilaksanakan akibat pergolakan ekonomi yang lebih menyeluruh yang sedang dihadapi pada masa kini.

Pergolakan dalam ekonomi negara adalah akibat keadaan kucar-kacir yang seringkali ditimbulkan oleh sistem ekonomi pasaran bebas, dan akibatnya rakyat biasa yang menjadi mangsa. Konflik ini diwujudkan oleh golongan kapitalis nasional dan antarabangsa yang bertonjok kepada penajanan keuntungan semaksimal mungkin dengan memperjudikan keperluan dan hak rakyat.

Institusi-syarikat, bank, syarikat-syarikat besar, badan-badan yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat dan lain-lain yang mengawal ekonomi harus dimiliknegerakan di bawah ekonomi terancang dengan kawalan dan pengurusan secara demokratik untuk membolehkan keperluan dan hak rakyat biasa diperkukuhkan dengan meniadakan kediktatoran sistem pasaran bebas kapitalisme.

Apakah Nasib Pekerja MAS?

Sharifah

Rang Undang-Undang Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) 2014 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat baru-baru ini dilihat hanya akan menjejaskan pekerja dan kesatuan sekerja syarikat

penerbangan itu.

Undang-undang itu nanti bukan sahaja akan menyebabkan kehilangan pekerjaan ramai kakitangan MAS dan anak-anak syarikatnya, tetapi juga berakhirnya

kedudukan kesatuan sekerja dan persatuan-persatuan yang mewakili para pekerja MAS. Ini kerana ia akan menghapuskan sama sekali hak pekerja untuk membuat sebarang tuntutan atau mengambil tindakan undang-

undang terhadap MAS.

Apatah lagi apabila segala kes di Mahkamah Perusahaan yang sedia ada tidak boleh dibawa apabila syarikat baharu mengambil alih MAS, sedangkan pada ketika ini, banyak kes melibatkan para pekerja MAS telah dibawa ke mahkamah itu.

Undang-undang ini juga mungkin akan mengakibatkan kehilangan faedah bekerja sehingga bersara, dan digantikan dengan kerja kontrak, atau bentuk-bentuk lain yang tidak menentu dan tidak dapat memberikan jaminan pekerjaan kepada pekerja-pekerja MAS. Bahkan, ia akan mengelak hubungan langsung antara pekerja dan majikan dengan menggunakan

pekerja yang dibekalkan oleh pihak ketiga.

Dengan kelulusan undang-undang baru ini, bagaimanakah nasib pekerja MAS? Sehingga hari ini, ia masih menjadi tanda tanya. Tindakan itu cuma untuk menyelamatkan syarikat penerbangan itu sahaja, dan menyelamatkan keuntungan pihak atasan, bukannya untuk menyelamatkan pekerja-pekerja MAS yang telah bertungkus-lumus menjaga keuntungan syarikat itu.

Justeru, kerajaan patut mengambil langkah yang dapat memanfaatkan semua pihak, khususnya pekerja-pekerja MAS itu sendiri. Tindakan-tindakan yang menyebelahi para pekerja dan kesatuan sekerja mesti dilaksanakan kerana mereka yang telah bersusah-payah untuk memastikan kelangsungan syarikat penerbangan nasional itu. Para pekerja MAS juga mesti bersatu menuntun supaya hak mereka tidak dinafikan melalui undang-undang ini.



Penganiayaan Ke Atas 30 Pekerja Di Kilang Pemprosesan Petrol dan Gas Di Pulau Pinang

Ravi

Solidariti Pekerja dihubungi oleh saudara Al-Amin yang merupakan pekerja di Schlumberger Seismic Manufacturing Sdn Bhd. di Pulau Pinang yang diberhentikan kerja secara paksa dengan mempergunakan VSS (Skim Pemberhentian Kerja Sukarela) oleh majikannya. Menurutnya seramai 30 orang pekerja telah dipaksa oleh majikan untuk menandatangani surat pemberhentian kerja pada bulan Disember lalu. Pekerja juga telah membuat aduan polis terhadap taktik kotor majikan yang telah menipu pekerja. Pekerja juga telah membawa isu pemberhentian kerja tidak sah ke Jabatan Perhubungan Perusahaan, tetapi tiada penyelesaian dicapai, dan kes kini dirujuk kepada menteri. Ini bermakna 30 pekerja tersebut terpaksa menunggu satu atau dua tahun lagi untuk mengetahui sama ada kes mereka akan dibawa ke mahkamah perusahaan. Dalam situasi sekarang di mana kos kehidupan yang semakin meningkat dan kesukaran untuk mendapat pekerjaan, tindakan pemberhentian kerja tersebut

akan lebih membebankan pekerja dan langsung tidak berperikemanusiaan.

Menurut Al-Amin majikannya tidak mematuhi prosedur VSS di mana tiada alasan kukuh diberikan terhadap keperluan untuk langkah VSS oleh majikan. Malahan, menurutnya aktiviti kilang masih berjalan lancar seperti biasa, dan baru-baru ini beberapa pekerja migran juga telah diambil kerja.

Solidariti Pekerja mengancam tindakan majikan yang mempergunakan VSS sesuka hati mengikut keperluan mereka atau sebagai langkah

mengurangkan kos pengurusan dan meningkatkan keuntungan syarikat. Kebajikan pekerja harus dilindungi, dan nampaknya undang-undang dan kerajaan juga tidak memihak kepada pekerja.

Isu pemberhentian kerja dijangka meningkat dengan keadaan ekonomi yang semakin merudum, dan kesatuan sekerja dan warga pekerja perlu memperkukuhkan solidariti serta perjuangan untuk melawan pemangsaan ke atas pekerja.

Pengerusi Schlumberger Group Asia Pasifik Jamal A. Ainul.



POLIS DIRAJA MALAYSIA REPOUT POLIS		
Batal	TASEK MUTIARA	
Daerah	SEBERANG PERAI SELATAN (NIBONG TEBAL)	
Kawasan	PULAU PINANG	
No Repot	BK TENGAH101296314	
Tarikh	06/12/2014	
Waktu	1225 PM	
Bahasa Diterima	B. Malaysia	
Buku-butir Penerima Repot	No Personel : R182051	Pangkat : KONST
Nama : ICHAM FADLI BIN MAT	No KIP (Baru) : ---	No Polis/Tentera : ---
Buku-butir Jurubahasa (Jika Ada)	Nama : ---	Bahasa Asal : ---
No Pasport : ---	Alamat : ---	
Buku-butir Pengadu	No Polis/Tentera : ---	No Pasport : ---
Nama : NADARAJAN AL S.MURUGIAH	No KIP (Baru) : 770623075959	No Sijil Beranak : ---
Jantina : Lelaki	Tarikh Lahir : 23/05/1977	Usur : 37 tahun 5 bulan
Keturunan : Melayu	Warganegara : Malaysia	
Pekerjaan : KILANG	Alamat Tempat Tinggal : NO 9 LORONG MUTIARA 12 S&S BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SEMPANG AMPAT	
Alamat Ibu/Bapa : ---	Alamat Pejabat : ---	No Tel (RUMAH) : ---
No Tel (RUMAH) : ---	No Tel (Pejabat) : ---	No Tel (HP) : 012-6650813
Pengadu Menyatakan:- DISALIN SEMULA DARI KERTAS PUTH YANG DIBAWA PENGADU		
ADALAH SAYA SEPERTI NAMA NO KAD PENGENALAN DAN ALAMAT YANG TERTERA DI ATAS INGIN MEMBUAT SATU LAPORAN TERHADAP BEKAS MAJIKAN SAYA IAITU SCHLUMBERGER SEISMIC MANUFACTURING SDN BHD NO 1661 JALAN PERUSAHAAN BUKIT TENGAH INDUSTRIAL PARK 14000 BUKIT MERTAJAM PULAU PINANG KETARA. TELAH MEMAKA SAYA MENYANDIANGKAN SATU NOTIS PEMBERHENTIAN KERJA PADA 16/12/2014 LEBIH KURANG JAM 1430 HRS TANPA KERELAAN SAYA.SAYA BARU MENYEDARI BAWAHASANYA SAYA TELAH DITIPU OLEH MAJIKAN SCHLUMBERGER MANUFACTURING SDN BHD/BERKENAAN DENGAN NOTIS PEMBERHENTIAN KERJA TERSEBUT SETELAH SAYA BERJUMPA DENGAN PEJABAT PERHUBUNGAN PERUSAHAAN BEKAS MAJIKAN DIBAGIAN LEMBAGA SAKAR BIN SYED HUSSIN BAGI PROSES RUNDINGAN BERSAMA BEKAS MAJIKAN DIBAGIAN LEMBAGA BURUH PELABUHAN BERTEMPAT DI PENGKALAN WELD PADA 01/12/2014 LEBIH KURANG JAM 1430 HRS DAN LAPORAN INI AKAN DI GUNAKAN JIKA PERLU DIBICARA KE MAHKAMAH SEKIAN LAPORAN SAYA.		
Tandatangan Pengadu	Tandatangan Jurubahasa (Jika ada)	Tandatangan Penerima Repot
Salinan Repot Pertama		

Pekerja Bernama TV Tidak Dibayar Gaji

Yuva

Seramai 20 pekerja tetap Bernama TV (BTV) terpaksa mengambil cuti tahunan kerana tidak dibayar gaji bulan November lalu. Beberapa kakitangan sambilan syarikat tersebut juga tidak menerima gaji bulanan untuk beberapa bulan. Ini merupakan kali ketiga perkara seperti ini berulang dan dikatakan berpunca daripada keengganan para pemilik saham untuk menanggung beban belanja syarikat tersebut dan mengharapkan wang kerajaan.

BTV merupakan saluran berita 24 jam bagi perkhidmatan satelit Astro yang dimiliki oleh syarikat kerajaan Bernama. Oleh itu, pemegang saham swasta BTV dikatakan hanya mengaut keuntungan sehingga tidak memberi sebarang peruntukan bagi pekerja mereka. Apabila menghadapi masalah untuk membayar gaji pada masa yang ditentukan, pemegang saham BTV melepaskan tanggungjawab mereka kepada kerajaan.

Pada masa ini, pekerja yang terlibat telah diberikan

RM500 seorang berserta janji manis bagi menggalakkan mereka supaya meneruskan tugas mereka seperti biasa. Walau bagaimanapun, wang yang sedikit itu tidak memadai dan kebanyakan pekerja tersebut telah mengambil keputusan untuk mengambil cuti tahunan. Mereka tidak dapat menampung kos perjalanan ulang alik ke pejabat terutamanya dengan situasi di mana harga barang asas semakin meningkat setiap hari.

Syarikat BTV dengan jelas telah melanggar Akta Pekerja 1955 yang menyatakan semua pekerja harus dibayar gaji mereka tidak lebih dari tujuh hari dari tarikh yang sepatutnya. Pihak Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) juga bersetuju bahawa bayaran wang RM500 tersebut tidak membebaskan BTV dari kesalahan tersebut.

Gaji terakhir yang diberikan kepada pekerja adalah pada 20 Oktober lalu dan pihak pengurusan BTV sendiri tidak boleh mengesahkan tarikh

pembayaran seterusnya kerana ketiadaan dana. Walaupun kerajaan hanya memiliki satu pertiga daripada saham BTV dan tidak menerima sebarang keuntungan, namun ia bertanggungjawab untuk membayar gaji semua kakitangan di BTV. Situasi ini telah menghabiskan dana peruntukan kerajaan tetapi pemegang saham swasta enggan mengambil sebarang tanggungjawab.

Apa yang berlaku di BTV adalah contoh bagaimana kerajaan kapitalis yang memerintah sekarang menyalurkan wang rakyat ke tangan kroni-kroni mereka. Akibatnya pekerja-pekerja biasa menjadi mangsa bagi

kerakusan segelintir pemodal. Masalah yang sama boleh berulang di sektor kerajaan lain seperti perubatan dan pendidikan di mana banyak tugas-tugas pengendalian sedang diswastakan dengan pesat.

MTUC perlu memberikan solidariti kepada pekerja-pekerja yang menjadi mangsa majikan seperti BTV serta mengatur perjuangan untuk memperkuatkan hak pekerja. Penganiayaan

sebegini terhadap kelas pekerja menunjukkan betapa pentingnya penglibatan demokratik pekerja dalam mengurus dan mengawal syarikat-syarikat milik kerajaan. Untuk ke arah perubahan tulen, sebuah parti massa pekerja dengan sokongan anak muda dan golongan rakyat tertindas yang lain perlu dibentuk sebagai suara politik bagi rakyat biasa.



Letupan Lombong Arang Batu, 3 Pekerja Maut!

Erick

Pada 22 November 2014, negeri Sarawak yang tenang dikejutkan oleh sebuah letupan di lombong arang batu yang terletak di Abok, Sri Aman, kira-kira 130 km dari Bandar Kuching. Kejadian tersebut berlaku kira-kira pukul 11 pagi semasa pekerja sedang sibuk dengan tugasan harian masing-masing.

Seramai 3 maut manakala 30 lagi pekerja dilaporkan cedera berikutan letupan tersebut. Mereka yang menemui ajal adalah Kardianto warganegara Indonesia berumur 38, Tun Tun Min warganegara Myanmar berumur 36, Pang Ching Nyok warganegara Korea Utara berumur 29. Ketiga-tiga mereka dilaporkan meninggal akibat sesak nafas. Bagi pekerja-pekerja yang mengalami cedera, mereka dihantar ke hospital dan klinik yang berdekatan untuk rawatan susulan.

Pemilik lombong itu



Anggota keselamatan sedang memeriksa salah sebuah letupan lombong arang batu di Sarawak

diarahkan memberhentikan segala kerja-kerja oleh Jabatan Mineral dan Geosains untuk memberi ruang kepada penyiasatan punca letupan. Adalah dimaklumkan, lombong ini telah beroperasi selama

8 tahun dan mempunyai sebanyak 119 orang pekerja yang terdiri daripada warga China, Myanmar, Indonesia, Bangladesh dan Korea Utara. Insiden yang serupa turut ber-laku di Abok di Pantu,

terhadap kejadian letupan lombong arang batu itu. Jawatankuasa siasatan tersebut telah melibatkan Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Jabatan Kesihatan dan lain-lain agensi kerajaan berkaitan.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOHS) Lee Lam Thye, menyeru agar hasil siasatan harus didedahkan secara umum agar kejadian seumpama ini tidak berulang lagi. Pihak majikan, khususnya pemilik lombong harus dibawa ke muka pengadilan sekiranya terbukti melanggar peraturan dan undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerja. Mangsa yang terkorban dan cedera harus menerima pampasan yang setimpal dengan musibah yang dialami.

Sri Aman pada 30 Mac 2012 yang mengorbankan empat warganegara China.

Menteri Muda Kesihatan Awam Dr Jerip Susil memberitahu, ahli jawatankuasa itu merangkumi wakil agensi kerajaan negeri dan persekutuan yang akan memberi fokus

Kempen Komuniti Berjaya Hentikan Projek Lebuhraya di Australia



Protes komuniti tempatan bersama ahli-ahli CWI Australia

Pilihan raya negeri Victoria pada 29 November 2014 menyaksikan pemilihan Parti Buruh (Labor Party) sebagai kerajaan negeri baru, yang telah berjanji untuk menamatkan pembinaan projek lebuhraya Timur-Barat bertol di Melbourne, Australia. Pemberhentian projek ini merupakan sebuah kejayaan besar bagi kumpulan kempen komuniti dan aktivis yang telah bertungkus-lumus dalam menyuarakan bantahan terhadap pembinaan lebuhraya itu. Kempen anti-lebuhraya bertol tersebut telah di anjur dan dimobilisasikan oleh Socialist Party (seksyen CWI di Australia).

Penduduk setempat tanpa ragu-ragu telah menyuarakan bantahan keras terhadap pembinaan tol lebuhraya Timur-Barat itu. Ini merupakan kunci utama kepada kekalahan Parti Liberal (Liberal Party) dalam pilihan raya negeri tersebut. Parti Liberal, bekas pemerintah negeri Victoria

itu pernah berjanji untuk tidak meluluskan pembinaan lebuhraya tersebut, dan berjanji untuk membaikpulih kemudahan pengangkutan awam, namun pada akhirnya janji ini dimungkiri demi memenuhi kepentingan syarikat-syarikat kroni yang telah melabur dalam projek mega ini.

Mengimbas kembali 18 bulan yang lalu, dimana kempen komuniti anjuran Socialist Party melalui fasa penting dalam pembinaan piket komuniti untuk menghentikan kerja-kerja pembinaan awal projek tersebut. Pada masa itu, kedua-dua parti, Buruh dan Liberal – menyokong pembinaan lebuhraya bertol Timur-Barat tersebut dan mengatakan bahawa projek ini akan mengurangkan kesesakan lalulintas dan menyediakan banyak peluang pekerjaan untuk rakyat negeri Victoria. Sepanjang tempoh ini juga, kumpulan kempen komuniti ini telah membuktikan bahawa kenyataan itu hanya sebuah penipuan dan muslihat parti pemerintah yang mahu memenuhkan poket mereka

melalui pelaburan syarikat-syarikat besar, berbanding memahami kerugian dan akibat yang akan dirasai oleh penduduk setempat.

Pembinaan lebuhraya berharga AUD 8 bilion (RM23 bilion) ini akan mengakibatkan bencana sosial, ekonomi dan alam sekitar yang besar sekiranya ia diberi kebenaran oleh pemerintah untuk diteruskan. Ia akan memusnah dan mengubah bentuk salah satu taman awam utama di Melbourne kepada 'taman' baru yang hanya akan memanfaatkan golongan elit, berbanding keperluan jutaan rakyat biasa. Tidak sekadar itu, ia juga akan merampas peruntukan awam yang sewajarnya digunakan untuk keperluan asas penting lain seperti pembaikpulih infrastruktur pengangkutan awam dan peluang pekerjaan baru.

Pada awal tahun ini juga, kempen komuniti anti-lebuhraya ini telah digerakkan di sekitar negeri Victoria, untuk kepada penduduk tempatan tidak hanya mengenai sejauh mana besarnya bencana yang akan menimpa kawasan utara-tengah negeri itu sekiranya projek ini diteruskan, tetapi juga mengenai betapa besarnya perbelanjaan awam yang akan 'dirampas', dari digunakan untuk keperluan infrastruktur asas negeri itu.

Sebelum pilihan raya pada hujung November lalu, Parti Buruh telah mengubah

pendirian mereka kerana tekanan daripada kempen komuniti tempatan yang berlangsung selama lebih setahun ini bersama dengan sokongan kuat massa rakyat sebagai tulang belakang kepada peristiwa bersejarah ini. Selama ini, pendirian Parti Buruh diragui oleh rakyat dan ramai dalam kalangan pimpinan parti itu masih berkeras untuk menyokong pembinaan projek itu yang hanya mampu dimanfaatkan untuk kepentingan mereka sendiri pada masa hadapan.

Segelintir pimpinan parti itu yang lebih progresif seperti Daniel Andrews, dalam perhimpunan pra-pilihan raya lalu yang dianjurkan oleh kempen komuniti Socialist Party bersama kerjasma daripada pelbagai kumpulan aktivis, telah mengeluarkan kenyataan bahawa Parti Buruh tidak akan meneruskan pembinaan lebuhraya tersebut sekiranya diberi kuasa pemerintahan negeri. Keadaan sebegini walau bagaimanapun tidak mustahil untuk memungkinkan mana-mana ahli politik mengeluarkan kenyataan sedemikian dalam menghadapi pilihan raya negeri. Hakikatnya, masih terlalu kabur untuk melihat sejauh mana pendirian Parti Buruh ini akan kekal, dan persoalan penting mengenai kestabilan politik, sosial dan ekonomi negeri itu masih tidak diketahui di masa-masa yang akan datang.

Sebagai kesimpulan, baik Parti Buruh, Parti Liberal

atau parti-parti lain yang masih bergerak berasaskan politik dan ekonomi sistem kapitalisme, ia disimpulkan sebagai tidak mampu untuk membawa aspirasi rakyat ke atas dan menyelesaikan permasalahan sosial dan ekonomi, mahupun alam sekitar. Peristiwa penting yang berlaku di Victoria, Australia ini memberi contoh dan pengajaran kepada rakyat biasa, khususnya kelas pekerja di Malaysia. Kejayaan kempen komuniti yang digerakkan secara demokratik bersama masyarakat setempat, dengan program tuntutan yang betul dan tepat mampu membawa aspirasi sebenar rakyat dari bawah. Tidak sekadar itu, parti-parti pemerintah juga turut akur dengan tuntutan dan desakan padu dari rakyat yang komited mahukan perubahan sebenar dalam masyarakat.

Paling penting adalah kempen ini mempunyai pengajaran untuk rakyat yang masih mencari alternatif politik kepada sistem kapitalisme. Apabila golongan pekerja dan rakyat bersama-sama memperjuangkan tuntutan mereka secara kolektif, kepentingan golongan pemerintah dan elit pastinya mampu dicabar hebat. Perjuangan ini, dalam menuju ke arah pembentukan masyarakat sosialis yang lebih adil dan sama rata akan memberikan sebuah pengalaman, keyakinan dan kemampuan untuk membina sebuah dunia yang lebih baik untuk semua.

CWI Australia

Kuasa Rakyat Bantah Caj Air di Ireland

Pada Rabu 10 Disember 2014, dianggarkan seramai 80 ribu orang telah membanjiri jalan raya di Dublin bagi membantah pelaksanaan caj air di Ireland.

Pusat Bandaraya Dublin terhenti kaku dengan pelbagai perarakan yang berbeza menuju ke parlimen. Perarakan dan protes besar-besaran ini dianjurkan oleh kempen 'hak air percuma' dan disertai pelbagai kumpulan akar umbi yang tumbuh untuk membantah pemasangan meter air di komuniti masing-masing sekitar dua bulan lalu.

Walaupun berlangsung pada hari minggu, saiz peserta protes itu telah memberikan

tamparan hebat kepada harapan kerajaan yang menjangkakan dengan pelbagai janji dan tawaran, mereka dapat meneruskan agenda caj air sebagai salah satu langkah penjimatan kerajaan.

Media, pihak polis dan kerajaan telah berusaha untuk menyembunyikan angka sebenar dan cuba memperkecilkan saiz peserta protes itu kepada 30 ribu sahaja. Mereka juga berhujah bahawa golongan kelas menengah di Ireland telah menerima rancangan kerajaan untuk mengenakan caj air tanpa sebarang rungutan.

Walau bagaimanapun, secara jelas, protes massa terhadap caj air ini telah

melemahkan kerajaan yang hanya mendapat sokongan daripada 25% rakyat. Sokongan bagi parti bebas yang lain mencecah 32% sokongan rakyat.

Pemimpin gerakan AAA (Gabungan Anti Penjimatan) dan juga ahli parlimen Parti Sosialis Ireland , Paul Murphy menyenankan dua perkara penting apabila berucap di demonstrasi tersebut. Pertama, beliau menekankan keperluan bagi peserta protes untuk berusaha membina sebuah kempen boikot pembayaran caj air sebelum ia diperkenalkan pada bulan April tahun hadapan.

Kedua, beliau berhujah bahawa kumpulan-kumpulan akar umbi kini perlu terlibat

dalam perbincangan yang serius untuk mencalonkan wakil mereka sendiri bagi pilihanraya umum yang akan datang supaya dapat bertindak sebagai suara politik untuk gerakan terbaru ini.

Ahli Parti Sosialis Ireland (CWI di Ireland) telah

memainkan peranan penting dalam membina kempen-kempen tersebut dan berjaya mengedarkan berpuhulubusuh sokongan kelas pekerja dan rakyat biasa.

Rakyat Ireland turun bantah caj air yang bakal diperkenalkan



CWI Ireland

Mogok Umum di Belgium

Al-Ishiraki

Mogok umum di Belgium pada 15 Disember lalu merupakan suatu fenomena luar biasa. Seruan untuk penggabungan beberapa kesatuan-kesatuan sekerja di dalam penganjuran mogok tersebut menggambarkan kekuatan sebenar gerakan kelas pekerja. Mogok tersebut dilihat mempunyai potensi untuk menamatkan segala polisi pemerintah yang diamalkan oleh kelas pekerja. Solidariti dan sokongan rakyat kepada gerakan pekerja semakin bertambah kuat. Cabaran mereka masa kini adalah untuk menggerakkan mogok kali kedua yang lebih besar, ke arah mogok umum selama 48 jam.

Mogok umum ini dikatakan sebagai suatu acara kemuncak daripada beberapa aksi mogok di peringkat daerah dan bandar yang diadakan sebelum pembentukan kerajaan koalisi baru pada September lalu. Kerajaan koalisi baru ini mengandungi parti-parti seperti Reformist Movement (Gerakan Reformis) yang berideologi liberal-konservatif, Open Flemish Liberals and Democrats (parti liberal-demokrat), Christian Democratic and Flemish (parti Kristian-demokrat) dan New Flemish Alliance (parti nasionalis Flemish). Perancangan penuh yang dikemukakan pada Oktober lalu sejurus setelah kerajaan baru dibentuk telah mengemukakan rakyat dan membangkitkan kemarahan daripada lapisan kelas pekerja. Polisi-polisi kerajaan pada kali ini dilihat lebih ganas mencabul dan menindas kebajikan sosial rakyat biasa, khususnya kelas pekerja. Ia termasuklah 'serangan' ke atas pendidikan, gaji pekerja, pencen, pemotongan mendadak di dalam bidang perubatan, perkhidmatan awam, penjagaan sosial kanak-kanak, dan kebajikan sosial bagi golongan yang tidak bekerja.

Segala jenis pemotongan ini dikatakan sama seperti polisi penjimatan ganas yang diperkenalkan di negara-negara Eropah lain beberapa tahun lalu, tetapi berbanding negara lain, segala pemotongan tersebut tidak dilaksanakan serentak sekaligus. Situasi ini yang membezakan keadaan kemarahan rakyat di Belgium berbanding di tempat lain. Polisi pemerintah kini jelas difahami oleh lapisan sedar kelas pekerja bahawa kerajaan ini merupakan kerajaan 'anti-pekerja' yang sangat ekstrim. Pemerintah baru ini telah menyediakan kepada rakyat Belgium sebuah polisi pemotongan yang sangat drastik berbanding pemerintah sebelumnya. Tetapi untuk melaksanakannya, ia mewajibkan serangan ke atas hak bagi kesatuan dan gerakan pekerja untuk melancarkan mogok, sebagai cubaan untuk melemahkan kuasa kelas pekerja bermula dari atas.

Selepas pembentukan kerajaan baru ini, pemerintah telah melihat protes kesatuan pekerja terbesar semenjak Mei 1986. Dikatakan seramai 150 ribu orang telah berhimpun di dalam protes pada 6 November lalu. Ia menggambarkan kekuatan kelas pekerja dari segi bilangan. Tidak sekadar itu, aksi mogok golongan pekerja untuk menumbangkan pemerintah menjadi suatu prospek yang realistik, bukan lagi suatu utopia. Protes besar ini kemudiannya diikuti oleh mogok-mogok

pekerja di beberapa bandar utama di Belgium di dalam tarikh yang berasingan. Mogok-mogok yang diadakan di peringkat bandar dan daerah ini dikatakan membantu menguatkan gerakan pekerja bermula dari peringkat bawah, iaitu di bahagian bandar dan luar bandar.

Bilangan penyertaan mogok dan protes sepanjang beberapa bulan ini amat menakutkan. Ratusan ribu, malah boleh dikatakan mencecah jutaan rakyat turut serta di dalam protes-protes ini. Tidak hanya kelas pekerja, penentang terhadap polisi kerajaan ini dilihat mendapat sambutan dari kalangan pelajar, polis, kakitangan kerajaan, dan pekerja sambilan. Ribuan dari mereka mengambil langkah lebih berjaga-jaga dengan mengambil cuti berbayar bagi menunjukkan solidariti mereka kepada perjuangan massa, tanpa perlu hilang bayaran upah harian jika menyertai mogok. Kebanyakan pengangkutan awam tidak beroperasi. Syarikat-syarikat besar ditutup dan banyak syarikat meminimumkan urusan mereka sewaktu protes berlangsung. Banyak sekolah dan universiti juga tutup. Dikatakan kini lebih ramai rakyat biasa menyertai protes dan mogok ini buat kali pertama dalam hidup mereka. Golongan elit pemerintah pastinya mulai sedar mengenai kedudukan mereka yang semakin terancam apabila

perjuangan gerakan kesatuan pekerja semakin membesar dan mendapat sokongan dari pelbagai lapisan rakyat. Selepas berlangsungnya mogok umum tersebut, kesatuan-kesatuan pekerja telah memberi pemerintah tempoh masa sehingga 13 Januari hadapan untuk menunaikan segala tuntutan mereka. Sekiranya tidak ada apa yang berubah sehingga tarikh tersebut, pihak kesatuan akan mengumumkan untuk melancarkan mogok kedua yang lebih besar berbanding sebelum ini.

Seksyen Committee for a Workers' International (CWI) di Belgium turut terlibat di dalam kerja-kerja mengorganisasi dan memobilisasi rakyat di dalam protes lalu. Kami berhujah bahawa, tuntutan kesatuan pekerja masih tidak cukup hanya sekadar menukarkan pemerintah sedia ada dengan pemerintah lain yang masih mengamalkan polisi yang hampir sama. Kebanyakan pemimpin kesatuan pekerja di Belgium masih mempunyai ilusi terhadap kerajaan sebelum ini yang kononnya dikatakan lebih prihatin kepada kelas pekerja. Hakikatnya, kerajaan koalisi lama yang diterajui oleh parti sosial demokrat (Parti Socialiste) tetap akan meneruskan polisi penjimatan yang hampir sama sekiranya mereka terus di tampuk pemerintahan.

Kelas pekerja dan rakyat Belgium memerlukan sebuah alternatif politik baru kepada

sistem pemerintahan sedia ada bagi mewakili kepentingan mereka sendiri, dan bukannya masih terus berharap kepada parti-parti pro-kapitalis yang mewakili kepentingan golongan elit dan perniagaan besar. Polisi penjimatan pemerintah ini sekian lamanya memberikan impak besar kepada taraf hidup rakyat biasa. Rakyat memerlukan perwakil politik kuat yang mampu menamatkan cukai-cukai yang dikenakan ke atas rakyat untuk melindungi kepentingan perniagaan besar.

Untuk itu, pembinaan sebuah organisasi politik kelas pekerja amat penting bagi memperkasakan segala tuntutan rakyat. Alternatif baru tidak akan jatuh dari langit. Kesatuan pekerja di Belgium mempunyai lebih 3.5 juta ahli yang mengorganisasi pekerja di tempat kerja dan di dalam komuniti setempat. Perbincangan program dan taktik secara demokratik di dalam organisasi ini akan menjadi prospek yang baik untuk sebuah gerakan politik baru membesar. Perbincangan politik di kalangan ahli kesatuan dari pelbagai sektor sehingga ke peringkat nasional akan membina tuntutan dan program yang lebih kuat untuk sebuah alternatif baru bagi rakyat di masa hadapan.

Demonstrasi Kesatuan Polis di Belgium.



Apakah Itu Ekonomi Terancang?



Rakyat tidak puashati apabila peniaga dan pelabur tidak rela menurunkan harga barangan dan perkhidmatan dengan kejatuhan harga minyak, dan mendesak campurtangan kerajaan. Peniaga dan pelabur yang sama telah meningkatkan harga barangan dan perkhidmatan ketika harga minyak semakin meningkat. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Hassan Malek menegaskan 'Para pengguna cenderung untuk beranggapan bahawa kerajaan mampu untuk menetapkan harga barang. Kita tidak boleh melakukannya kerana kita hidup dalam ekonomi kapitalis, iaitu peraturan bekalan dan

permintaan harus dikekalkan dan campurtangan kerajaan hanya apabila ia benar-benar perlu". Respon menteri tersebut jelas menunjukkan kerajaan tunduk kepada sistem pasaran bebas daripada mengangkat kepentingan rakyat yang tertekan dengan

kos hidup yang meningkat. Ini membuktikan betapa pentingnya ekonomi terancang yang merupakan alternatif kepada ekonomi pasaran bebas untuk mempertingkatkan keperluan rakyat.

APA ITU EKONOMI TERANCANG ?

Ekonomi terancang adalah sistem ekonomi yang akan diurus dan dikawal oleh negara atau kerajaan kelas pekerja tanpa sebarang kongkongan kapitalis atau sistem pasaran bebas untuk merancang ekonomi berlandaskan kepada keperluan-keperluan rakyat

biasa secara demokratik. Ini bermakna, aktiviti-aktiviti ekonomi dan kekayaan atau keuntungan yang dijanakan oleh kelas pekerja dan rakyat biasa akan dipergunakan untuk memaksimumkan keperluan rakyat dengan penglibatan tetapi perancangan untuk menentukan hala tuju perancangan kerajaan sosialis. Manakala ekonomi pasaran bebas adalah ekonomi kapitalisme untuk memaksimumkan keuntungan segelintir kapitalis dengan mengeksploitasi tenaga buruh dan sumber-sumber alam. Manakala peranan kerajaan atau negara akan berlandaskan kepada sistem ekonomi yang dipraktikkan. Kerajaan pro-kapitalis untuk meregulasi sistem ekonomi pasaran bebas dan keuntungan maksimum kapitalis, manakala kerajaan kelas pekerja meregulasi keperluan maksimum dan penglibatan demokratik rakyat biasa dalam perancangan ekonomi dan sosial.

APA BEZA EKONOMI TERANCANG DENGAN EKONOMI PASARAN BEBAS ?

Dalam pasaran bebas kapitalisme, multinasional seperti Shell, Intel dan lain-lain juga melakukan perancangan tetapi perancangan untuk memaksimumkan keuntungan. Misalnya, pelan 5 tahun kerajaan Malaysia sebenarnya untuk menyelaraskan aktiviti kapitalisme. Sudah banyak pelan 5 tahun telah dilaksanakan semenjak merdeka, tetapi jurang di antara kaya dan miskin semakin melebar. Ramai rakyat masih tidak memiliki rumah pada tahap yang amat rendah kalau dibandingkan dengan kenaikan inflasi. Maksudnya syarikat-syarikat kapitalis melakukan perancangan bagaimana keuntungan dapat dimaksimumkan dengan bantuan undang-undang dan regulasi kerajaan pro-kapitalis. Kerajaan pro-kapitalis juga kadang-kadang terpaksa menenangkan tuntutan atau

desakan rakyat biasa dengan merancang sedikit habuan seperti bantuan kebajikan, klinik 1Malaysia, subsidi, bonus raya dan sebagainya bergantung kepada dana kewangan untuk 'kestabilan politik' kapitalisme.

Manakala, dalam ekonomi terancang kerajaan kelas pekerja harus merancang ekonomi negara dengan meletakkan institusi-institusi kewangan dan bank serta industri-industri di bawah pemilikan kerajaan tersebut tanpa sebarang 'tangan tersembunyi' kapitalisme. Pada masa yang sama setiap institusi-institusi kewangan dan bank serta industri-industri tersebut akan dipastikan diurus dan dikawal oleh kelas pekerja dan rakyat biasa secara demokratik melalui kesatuan sekerja untuk merancang hala tuju berlandaskan keperluan rakyat keseluruhan. Di sini perlu ada interaksi di antara kerajaan dan rakyat dalam membuat sesuatu perancangan sosial atau ekonomi.

Ravi

Pekerja Keretapi Tanah Melayu Pernah Mogok Selama 33 Hari!

Sharifah

Pada tahun 1962, mogok pekerja kereta api secara besar-besaran telah dianjurkan oleh pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu selama 33 hari. Walau bagaimanapun, tidak ada seorang daripada mereka yang dibuang kerja oleh pihak pentadbiran. Malah, para pekerja kereta api pada ketika itu berjaya mendapat gaji bulanan berbanding gaji hari yang diberikan sebelum itu, sebagaimana yang telah diminta oleh mereka dalam mogok tersebut.

Mogok ini adalah mogok kereta api terbesar dalam sejarah negara, dan melibatkan tempoh masa yang panjang sekali. Dalam mogok itu, hampir 15,000 orang pekerja kereta api telah bersatu untuk turun mogok dan menuntut hak-hak mereka. Mogok yang telah dimulakan pada 22 Disember


1962 ini hampir melumpuhkan sistem pengangkutan Persekutuan Tanah Melayu. Beribu-ribu penumpang telah terjejas dan sebanyak 20,000 tan barang eksport dan import terbengkalai di gudang-gudang dan di Pelabuhan Kelang.

Bahkan, 73 buah kesatuan pekerja Perkhidmatan Awam, Kesatuan Pekerja Elektrik Negara dan Kongres Kesatuan Pekerja Malaysia (MTUC) telah memberikan sokongan kepada pekerja-pekerja keretapi. Konfederasi Kesatuan Antarabangsa Bebas (ICFTU) juga campurtangan dengan memberikan bantuan kewangan.

Selepas mogok itu, satu perjanjian akhirnya telah ditandatangani. Pihak pentadbiran telah diwakili oleh Pengurus Besar, Dato Ahmad Perang, manakala

para pekerja telah diwakili oleh Yang Di-Pertua Persatuan Pekerja Keretapi, Donald Uren. Rundingan ini telah melalui proses yang panjang dan berkali-kali apabila Ungku Aziz sebagai orang tengah ketika itu terpaksa membawa masuk Menteri Kewangan dan Perdana Menteri. Akhirnya, pihak pentadbiran sanggup menerima 90% tuntutan pihak pekerja dan ini telah diterima oleh Persatuan Pekerja Keretapi. Antara lain yang dapat dinikmati oleh mereka hasil dari mogok itu adalah kenaikan gaji, mengiktiraf pekerja sebagai kakitangan kerajaan dan mengambil pekerja harian sebagai pekerja bulanan.

Muka depan majalah Suara RUM 1963 memaparkan gambar Presiden RUM Donald Uren dijulung oleh ahli-ahli Kesatuan selepas kejayaan mogok mereka.



Banjir dan Penebangan Hutan

Yuva

Negeri-negeri di Pantai Timur pernah dilanda banjir besar yang telah menyebabkan kerugian dan kesusnahan harta yang banyak. Misalnya banjir besar pada tahun 1967 dan banjir yang dikenali sebagai 'bah merah' pada tahun 1926. Tetapi banjir yang berlaku pada hujung tahun 2014 adalah yang terbesar, merangkumi 6 negeri dan lebih 200,000 ribu orang terjejas. Kesusnahan harta benda dan kerugian tidak dapat dibandingkan dengan banjir yang telah melanda sebelum ini.

Pelbagai teori telah dikemukakan oleh pakar bagi fenomena banjir yang luar biasa ini. Antaranya adalah daripada Jabatan Meteorologi Malaysia yang mencadangkan bahawa kedudukan bulan yang berhampiran dengan bumi adalah antara faktor utama.

Ada juga golongan seperti Ahli Parlimen Pasir Mas Nik Mohamad Abdul Nik Abdul Aziz menulis di Facebook: "Bencana banjir ingatkan umat Islam agar kembali kepada Allah dan jauhi murka-Nya. Ia wajarkan kerajaan Kelantan terus istiqamah laksana syariat hudud."

Mungkin terdapat lebih daripada satu faktor yang

menjadi punca kepada banjir besar ini, tetapi antara faktor utama yang pasti adalah skala pembalakan yang berlaku di negeri Kelantan, Pahang dan Negeri Sembilan dalam setahun itu. Ramai pemerhati awam mencadangkan bahawa pembalakan di kawasan tadahan air di Hulu Kelantan yang telah mencetekkan sungai-sungai merupakan punca utama banjir ini.

Laporan dari Syarikat Aeronautik Amerika NASA baru-baru ini mengatakan bahawa satelit mereka telah mengesan penebangan hutan yang mendadak di Malaysia. Satelit itu mencatatkan peningkatan sebanyak 150% iaitu kedua tertinggi di dunia selepas Bolivia yang mencatatkan 162%. Malaysia kini menebang hutan dengan kadar yang lebih pantas berbanding dengan Panama (123%), Ecuador (115%), Kemboja (89%) dan Nigeria (63%).

Penebangan hutan hujan dan tempat tadahan air sudah lama memberikan kesan kepada penghuni-penghuni di

Cameron Highlands dengan masalah tanah runtuh yang dihadapi hampir setiap tahun. Pembalakan di Hulu Kelantan juga dikenal pasti sebagai punca utama bagi masalah pengairan sawah padi di negeri itu. Akibatnya, kawasan penanaman padi di Kemubu, Kelantan telah mengalami kemerosotan hasil daripada 250,000 tan semusim sebelum ini kepada 192,000 tan

semusim sekarang.

Walaupun punca sebenar banjir belum boleh dikesan dengan seratus peratus, pembalakan yang tidak diurus secara lestari telah memberikan kesan buruk kepada alam sekitar. Bahkan, ketika banjir semakin surut di Semenanjung Malaysia, beberapa daerah di Sabah mulai dinaiki air. Ahli politik dan para pemaju

berkomplot menggondolkan hutan-hutan Malaysia dengan tidak mengambil sebarang tanggungjawab bagi kegiatan mereka. Akhirnya, rakyat biasa terpaksa menghadapi bencana dan malapetaka yang teruk.

Gambar hutan yang digondol di Kelantan



Ada beberapa tuduhan yang mendakwa bahawa beberapa ahli politik sedang mempergunakan bencana banjir di Kelantan dan Pahang sebagai kempen politik mereka.

SOLIDARITI PEKERJA

ISU KE - 10

JAN - MAC 2015

HARGA : RM 2 / SOLIDARITI : RM 3

Pendirian Gabungan Pekerja dan Anak Muda

Pendidikan

- Hak Pendidikan yang percuma dan berkualiti untuk semua termasuk di Universiti dan Kolej: Memansuhkan yuran pengajian di Universiti dan Kolej dan menghapuskan hutang pelajar termasuk PTPTN.
- Menuntut autonomi sepenuhnya kepada universiti dan kolej untuk mengeluarkan graduan kreatif untuk pembangunan keperluan rakyat biasa dan bukannya berpaksikan kepada keuntungan maksimum kapitalis.
- Tidak kepada penswastaan pendidikan termasuk pengkorporatan universiti dan kolej awam. Memiliknegerakan atau pemilikan awam segala entiti pendidikan daripada tadika hinggalah ke universiti dengan pembiayaan yang secukupnya untuk meningkatkan kemudahan dan kualiti pendidikan.
- Menyokong hak pekerja awam di bidang pendidikan, guru dan pensyarah untuk mempertahankan hak mereka dan autonomi pendidikan.
- Untuk mentransformasikan Persatuan Pelajar kepada Kesatuan Pelajar yang bebas, demokratik dan memperjuangkan hak dan keperluan pelajar.
- Untuk membentuk pendidikan yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan melalui pemilikan awam, dan ianya diuruskan secara demokratik dan percuma di semua peringkat - sistem pendidikan sosialis.

Pekerjaan dan Kebajikan

- Menyokong perjuangan anak muda dan warga pekerja untuk hak pekerjaan.
- Hapuskan pengangguran dengan hak pekerjaan yang adil untuk semua.
- Hapuskan polisi 'buruh murah' atau penghambaan pekerja, dengan mewujudkan gaji minimum atau gaji saraan hidup (living wage) yang setimpal dengan kenaikan inflasi.
- Hapuskan amalan 'outsourcing' dan buruh kontrak yang menghakis hak pekerja dan

kesatuan sekerja.

- Peluang latihan yang adil untuk anak-anak muda dengan gaji saraan hidup, termasuk pekerjaan yang terjamin selepas latihan.
- Hentikan pembuangan pekerja di sektor awam atau swasta. Miliknegerakan syarikat yang mengancam penutupan, di bawah kawalan demokratik oleh kesatuan sekerja dan warga pekerja.
- Majikan harus memperuntukkan elaun perumahan, pengangkutan, makanan dan faedah-faedah lain yang diperlukan untuk kebajikan pekerja.
- Hak penubuhan kesatuan sekerja tanpa sebarang sekatan undang-undang oleh kerajaan atau campurtangan majikan.
- Pinjaman perumahan tanpa faedah oleh kerajaan untuk memastikan keluarga miskin memiliki tempat kediaman. Pinjaman perumahan kerajaan dengan faedah yang rendah harus diperluaskan kepada warga pekerja di sektor swasta.
- Membina tempat-tempat rekreasi awam percuma dan berkualiti kepada anak muda dan pekerja.

Hak dan demokrasi

- Mempertahankan hak untuk membantah dan berdemonstrasi. Tiada penganiayaan kepada penunjuk perasaan. Hak untuk berorganisasi di setiap sekolah, kolej dan universiti.
- Hentikan keganasan polis terhadap demonstrasi dan rakyat biasa.
- Tiada rasisme, seksisme, homophobia, dan semua bentuk diskriminasi.
- Pertahankan hak dan budaya semua minoriti termasuk orang asal.
- Hak pekerjaan, perumahan dan perkhidmatan tanpa diskriminasi kaum, agama dan jantina.
- Hentikan serangan ke atas hak-hak wanita.
- Wujudkan semula pilihanraya kerajaan tempatan di setiap daerah.
- Tidak kepada parti-parti yang berlandaskan

- kapitalisme. Berkempen untuk pembinaan parti massa kelas pekerja dan anak muda untuk mempertahankan hak dan kepentingan rakyat biasa.
- Hentikan penswastaan perkhidmatan awam. Memiliknegerakan semula semua kemudahan awam dengan kawalan demokratik kesatuan sekerja dan rakyat biasa.
- Hentikan GST, TPPA, pemotongan subsidi dan mula merancang ekonomi berlandaskan keperluan rakyat, bukan keuntungan maksimum

Untuk Solidariti Antarabangsa dan Demokratik Sosialisme

- Untuk solidariti antara kelas pekerja dan anak muda di seluruh dunia.
- Solidariti dengan Perjuangan Anak Muda dan Pekerja di Timur Tengah/Afrika Utara untuk pembentukan kerajaan kelas pekerja dan petani miskin.
- Tidak kepada peperangan dan campur tangan imperialis. Untuk pengosongan segera semua tentera asing dari Afghanistan dan Iraq.
- Tamatkan kepungan Gaza di Palestin dan hormati hak pembentukan negara Palestin.
- Hentikan pembinaan peluru berpandu nuklear dan hapuskan segala senjata yang boleh memusnahkan alam.
- Menyokong kempen solidariti Tamil Sri Lanka - untuk hak semua rakyat untuk menentukan pilihan sendiri.
- Tidak kepada kemusnahan alam sekitar. Bagi pelan yang mampan berlandaskan kepada demokratik sosialisme untuk industri pengeluaran yang tidak akan memusnahkan planet ini.
- Tidak kepada kapitalisme. Bagi dunia sosialis, di mana monopoli besar dijadikan pemilikan awam, dengan ekonomi yang dirancang secara demokratik dan sumber-sumber alam dipergunakan untuk memenuhi keperluan manusia sejagat.


Adakah anda mempunyai berita tentang pekerja untuk kami ?

Adakah anda ingin berkerjasama atau ingin tahu lebih lanjut tentang kami ?

Hubungi kami di :-

 <http://www.facebook.com/solidaritipekerja>

 solidaritipekerja@gmail.com

 01112859623 (yuva)



Sosialis Alternatif adalah sebahagian daripada pertubuhan sosialis dan kelas pekerja antarabangsa (Committee for a Workers' International) yang beroperasi di lebih 50 buah negara. Sosialis Alternatif berkempen menentang penindasan kapitalisme ke arah membentuk masyarakat yang berlandaskan demokratik sosialisme di Malaysia dan sedunia.